

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu pusat kajian atau pusat koordinasi khusus bagi memantau, mengkaji punca, kaedah pencegahan dan juga kaedah mengatasi masalah pencemaran sungai dan udara di kawasan yang berisiko tinggi terutamanya di kawasan perumahan yang berhampiran dengan lingkaran perindustrian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Keperluan untuk mengadakan pusat kajian dan pusat koordinasi khusus adalah satu cadangan yang baik. Cadangan ini akan diteliti dan akan mengambil kira dapatan kajian bagi isu pencemaran di Pasir Gudang dan Sungai Kim Kim.

Buat masa ini pihak Kementerian menyelaraskan hasil kajian melalui Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC) manakala pemantauan dan penguatkuasaan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi mengenalpasti punca dan pemantauan kualiti alam sekitar.

NO. SOALAN : 9

Pihak Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar telah melaksanakan Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar, *Environmental Quality Monitoring Programme* (EQMP) untuk memantau tahap kualiti alam sekitar yang merangkumi udara, air sungai dan air laut. Data-data pengawasan kualiti alam sekitar ini dipantau dan diselaraskan melalui Pusat Data Alam Sekitar.

Manakala, bagi mencegah pencemaran, kerjasama antara pihak Kementerian melalui JAS dengan agensi-agensi berkaitan sungai dan udara seperti kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Kawal Selia Air Negeri dan agensi-agensi kerajaan lain untuk menangani dan mencegah pencemaran dari berlaku terutama di kawasan berisiko tinggi.

Dari segi perancangan jangka masa panjang untuk memantau tahap pencemaran udara, JAS akan mensyaratkan pihak industri supaya mengisytiharkan beban pelepasan ke udara, *declare emissions loading* secara dalam talian dan dihubungkan terus dengan sistem pemantauan JAS.

Sekian, terima kasih.